



AM

Perak akan kerjasama dengan pemain industri bangunkan semula pelancongan



Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi (Gambar fail)



NEM
Net Energy Metering

ENJOY CHEAPER ELECTRICITY BILLS VIA NEM PROGRAMME

click for more info

Create a sustainable future with
renewable energy.





Strategic Energy Development Agency
of Malaysia

28/04/2020 04:22 PM

IPOH, 28 April -- Kerajaan Negeri Perak akan bekerjasama dengan pemain industri bagi membangunkan semula sektor pelancongan di negeri ini melalui pelbagai mekanisme baharu selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi berkata langkah itu susulan penutupan beberapa hotel di negeri ini semasa tempoh pelaksanaan PKP pada masa ini.

"Ia menjadi masalah besar kerana ramai kehilangan kerja, melibatkan kira-kira 200 pekerja bagi sebuah hotel dan menyebabkan jumlah pengangguran di negeri ini naik mendadak," katanya pada sidang media Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) S.M.A.R.T Iftar@Perak antara kerajaan negeri Perak dengan Foodpanda Malaysia Sdn Bhd (Foodpanda), Grab Malaysia (Grab) dan YEZZA.

Beliau berkata terdapat pihak hotel yang mengambil keputusan menutup operasi mereka hanya setelah beberapa bulan dibuka, selain menghentikan operasi secara terus kerana masalah permintaan dan disebabkan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia.

Susulan itu, kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan alternatif lain seperti menganjurkan latihan kemahiran serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada pekerja yang terjejas berdasarkan kemahiran dimiliki mereka.

Nolee Ashilin berkata pihaknya juga sedang mengatur strategi bagi membuka semula aktiviti pelancongan di Perak secara berperingkat berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan selepas tamat tempoh PKP kelak.

"Perak banyak menerima kunjungan pelancong domestik, jadi kita akan merancang strategi pemasaran dalam tempoh terdekat iaitu pelawat dalam negeri dahulu sebelum membenarkan pelawat dari seluruh negeri ini sendiri, dari negeri lain dan seterusnya pelancong antarabangsa dalam tempoh jangka panjang," katanya.

Sementara itu, Nolee Ashilin berkata laman S.M.A.R.T Iftar@Perak iaitu bazar Ramadan secara dalam talian mendapat sambutan menggalakkan apabila menerima lebih 40,000 pengunjung di seluruh negeri sejak ia mula beroperasi pada 1 Ramadan.

Portal berkenaan menarik minat lebih 3,000 peniaga dari seluruh Perak yang menjual makanan dan minuman secara dalam talian serta lebih 4,000 penghantar makanan berdaftar.

Terdahulu, beliau menyaksikan MOU antara kerajaan negeri melalui Digital Perak Corporation Holdings dengan Adventure 360 Sdn Bhd iaitu syarikat pengendali platform perkhidmatan tempahan melalui aplikasi whatsapp iaitu Yezza serta Foodpanda serta Grab bagi jalinan kerjasama strategik inisiatif S.M.A.R.T Iftar@Perak.

-- BERNAMA

BERITA BERKAITAN

Pendaftaran PKS mikro untuk GKP sehingga 15 Mei ini - UK kini negara Eropah paling teruk terjejas atasi Itali Abdul Rahim

MENARIK



[Pendaftaran PKS mikro untuk GKP sehingga 15 Mei ini - Abdul Rahim](#)



[COVID-19: Senarai berita palsu tular setakat 11.30 pagi, 6 Mei - KKMM](#)

[Kes COVID-19 di AS kini cecah 1.2 juta](#)

TENTANG KAMI

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA

No.28 Jalan BERNAMA

Off Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : +603-2693 9933 (Talian Am)

Email : helpdesk@bernama.com

Kategori

- Am
- Ekonomi
- Sukan
- Politik
- Dunia
- Rencana
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media Eksklusif

Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan .
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender

Ikut Kami



Hak Cipta

- Penafian
- Dasar Privasi
- Dasar Keselamatan